

KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

(oleh Edrus)

Di bawah tajuk seperti yang di atas ini saya telah menulis menggambarkan ke mana umat Melayu akan dibawa oleh Dato' Onn di dalam buku amaran yang saya terbitkan tidak lama dahulu yang kemudiannya, bagi setengah-tengah pihak, disambut dan bagi setengah pihak pula terutamanya pihak orang-orang yang kasihkan Dato' Onn memandang bahawa tulisan saya itu adalah tidak mempunyai asas yang tetap dan pandangan yang saya beri di dalamnya hanya satu pandangan yang singkat juar yang tidak membandingkan kepada keadaan dan kedudukan orang-orang Melayu hari ini.

Jika saya tidak khilaf saya telah menelah bahawa berdirinya UMNO (ringkasan nama daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) itu sesudah Dato' Onn memandang bahawa yang demikian ia nampaknya bekerja hanya bagi faedah umat Melayu dan raja-rajanya sedang ia dari semasa ke masa akan terletak ke bawah juga lalu ia dengan perlahan-perlahan, semenjak daripada perjumpaan di Butterworth pada 27 Ogos 1949 telah meminda perjalanan UMNO itu kepada menyatukan bangsa-bangsa dagang ke dalamnya yang pada permulannya hanya konon-kononnya hanyalah sebagai orang-orang yang bersekutu ke dalam pertubuhan itu. Tetapi apabila ia membuat itu semakin terang maka yang demikian telah nampak kesan-kesannya dan terbitlah bantahan-bantahan yang hebat yang menjadikan Dato' Onn menarik diri daripada UMNO yang menjadikan pula suatu sebab mereka-mereka yang membantah tadi hilang akal oleh kerana mereka berperasaan bahawa dengan tidak

adanya Dato' Onn di dalam UMNO itu seolah-olah kepala hilang nakhoda dan yang demikian pada akhirnya Dato' Onn sanggup menerima semula menjadi Yang Dipertua Agong UMNO setelah ia meminta tiap-tiap wakil itu berikrar taat kepadanya.

Dengan pengakuan mereka itu kepada Dato' Onn maka apakah kebenaran yang terjadi kepada lingkungan mereka? Jawabnya mereka terikat kepada "Suatu perjanjian mesti taat kepadanya" dan setelah beberapa lamanya berjalan maka tersiar di dalam akhbar Straits Times pada 21 November 1950 bahawa Dato' Onn mengehendaki orang-orang yang taat tadi menyertai atau mengikut kemahuannya menukar nama pertubuhannya daripada "United Malay National Organisation" kepada "United Malayan National Organisation" yang menurut kata Dato' Onn tidak mengubah daripada bunyi UMNO juar.

Sekarang terang dan nyata kepada kita bahawa sebagaimana saya sebut di dalam buku saya itu Dato' Onn nampaknya telah menghendaki supaya bangsa Melayu ditukar kepada bangsa Malayan yang sudah tentu akan dibantah oleh orang Melayu umumnya bahkan oleh sebahagian besar daripada orang-orang yang mengasaskan UMNO yang telah nampak riak-riaknya menyatakan bahawa perbuatan menukar nama itu yang bermakna meleburkan bangsa Melayu kepada bangsa Malayan. Itu ialah suatu langkah yang diambil oleh Dato' Onn memecah belahkan ahli-ahli UMNO sendiri sebab walau bagaimanapun orang Melayu itu akan hilang bangsanya di dalam negerinya sendiri bertukar menjadi bangsa Malayan. Yang jika terjadi yang demikian itu ialah kerana "Kebijaksanaan" Dato'

Onn membawa orang Melayu mengikut alun dan kemahuan yang dikehendaki oleh pertadbiran di Semenanjung Tanah Melayu yang konon-kononnya untuk menghapuskan perasaan perkauman supaya Tanah Melayu tidak akan jadi Palestin yang kedua - sebagaimana yang disebut oleh Tuan Malcolm McDonald di Paris – tetapi hakikatnya langkahan itu adalah lebih-lebih lagi akan merosakkan kedudukan yang sedemikian itu dengan kerana tidak masuk kepada akal dapat disatukan di antara kaum-kaum yang berlain-lainan adat istiadat dan kebudayaannya menjadi satu yang jika berhimpun akan menjadi sekandang tak sebau bahkan sudah tetap kerana desakan-desakan anak-anak dagang yang kuat iktisad dan lekas biaknya itu di dalam 20 tahun lagi orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu keadaannya kelak, semudah menjadi bangsa Malayan, menjadi seperti orang Melayu di Singapura setahun demi setahun surut ke darat dan keadaannya telah menjadi umpama “Ayam mati di atas padi” negeri makmur dan kaya raya tetapi orang Melayu di Singapura miskin dan papa. Semacam inikah yang hendak dibuat kepada orang Melayu oleh Dato’ Onn sebagai suatu jasa kepada bangsanya?

Bertukarnya nama Melayu kepada Malayan di dalam UMNO itu maka tiga asas UMNO yang didirikan dahulu – setia kepada Raja, setia kepada negeri dan setia kepada agama itu akan hancur lebur. Raja-raja Melayu tidak terdiri melainkan dengan adanya rakyat jelatanya orang Melayu dan bangsa Melayu. Dengan berdirinya bangsa Malayan maka gugurlah punca yang pertama tadi bahkan yang ketiga pula sudah tentu akan hapus iaitu taat kepada agama akan hilang daripada kamus UMNO dan di sini nampaklah dengan nyatanya bahawa dakyah-dakyah agama yang digunakan kepada menarik orang-orang Melayu bersekutu di dalam UMNO itu sebagai suatu helah atau muslihat supaya ramai orang-orang bersekutu di dalam UMNO dan apabila ramai orang-orangnya maka agama dicampak. Adakah orang Melayu redha mensesiakan agamanya

yang kelak dengan kerana itu keluasan di dalam perjanjian Federation yang memberi kuasa penuh kepada tiap-tiap buah kerajaan Melayu itu atas agama dan adat istiadatnya dengan sendiri akan hilang dan akan terbenam dan dengan demikian hapus sama sekali hak-hak siasah orang Melayu yang itulah sahaja pusaka yang ada kepada mereka itu!?

Yang tinggal hanyalah taat kepada negeri. Adakah Dato’ Onn berpendapat bahawa anak-anak dagang yang diajaknya duduk sama rendah dan berdiri sama dengan anak-anak Melayu itu akan dapat taat kepada negeri Melayu? Orang Melayu yang telah mengetahui dan melihat apa yang telah berlaku dan apa yang terjadi di sini. Orang Melayu telah mengetahui kepada “kebaikan” anak-anak dagang dari semasa ke semasa kepada orang Melayu bahkan orang Melayu sendiri mengetahui dan melihat bagaimana cara pertadbiran yang ada sekarang yang dari setapak ke setapak nampaknya telah memesongkan dengan berterang-terang melebihkan anak-anak dagang dan mengenepekan orang Melayu sama ada di dalam peluang pelajarannya apalagi di dalam iktisadnya jangan dikata lagi bagaimana pahitnya yang dideritai oleh pegawai-pegawai Melayu. Sedangkan di dalam ada mempunyai hak-hak siasah sudah demikian ini keadaannya penderitaan orang Melayu apa pula kelak dilebur ke dalam bangsa Malayan maka sudah tentu orang Melayu keadaannya di negeri Melayu lebih buruk daripada penduduk di Singapura ini dan percayalah bahawa jika terjadi langkahan itu orang Melayu akan celaka dan binasa.

Apakah yang akan dibuat oleh orang-orang UMNO yang mahu insaf kepada merbahayanya yang dibawa oleh langkahan Dato’ Onn itu? Juanya menetapkan dasarnya dan memaksa supaya dasar itu didirikan dan jikalau sebahagian daripada mereka itu tidak berupaya menentang segala rancangan dan cita-cita Dato’ Onn itu dengan kerana banyak “rakan sejawatnya” maka lebih baik mereka itu mendirikan pertubuhan bagi kesiapan yang kedua iaitu mendirikan pertubuhan siasah yang berdasarkan agama Islam

yang saya percaya keadaannya akan lebih luas dan mempunyai hak-hak yang cukup mendirikan dasar-dasar yang termaktub di dalam perjanjian Federation bahawa orang Melayu bebas di dalam agama dan adat istiadatnya.

Yang demikian sepatutnya diperhati oleh tiap-tiap orang besar-besaran Melayu sama ada raja-rajanya ataupun lainnya dan untuk cita-cita ini hendaklah diberi ingat

kepada mereka-mereka yang berketanggungan supaya

apabila berdiri pertubuhan siasah

yang berdasarkan agama itu kelak jangan

lagi dihidup-hidupkan perasaan bermuda

bertua, perasaan bermusuh-musuhan tentang

faham-faham di dalam purung-purung agama sebagaimana

yang biasa dahulu dihalangi-halangi yang terbitnya harus daripada

anasir-anasir yang memandang bahawa agama Islam itu jika berdiri

di sini akan memberikan ingat kepada penduduknya menjauhkan

daripada perasaan takluk kepada penjajahan ataupun kepada

kehendak yang berleluasa kepada tiap-tiap seorang yang memegang teraju

pemerintahan negeri sebagaimana keadaannya yang telah lalu. Percayalah

di dalam keadaan yang sedemikian ini orang Melayu akan dapat

diselamatkan hanya dengan menunaikan hak siasah mereka dengan

berdiri di atas agama – bukannya agama itu

ditopeng-topengkan untuk maslahat anasir-anasir yang berdiri

di belakangnya.

Mudah-mudahan tulisan ini akan mendapat perhatian umat Melayu terutamanya ahli-ahli UMNO. Kita orang Melayu wajib mendirikan taraf kemuliaan bangsa kita. Kita



Yang Maha Mulia Sultan Johor tatkala menandatangani perjanjian Federation di Istana di Johor Bharu pada 1 Februari 1948. Perjanjian ini adalah dipandang kerana mengawal maslahat dan bangsa Melayu tetapi yang demikian itu sekarang telah dicuba dengan suatu panduan oleh Dato' Onn supaya dimiliki oleh orang-orang Malayan – Gambar Jabatan Perhubungan Raya.

orang Melayu mesti menegakkan bangsa kita untuk selama-lamanya di atas tanah bumi Melayu walaupun kita duduk di dalam pancaroba yang maha dasyat yang datangnya bukannya sahaja daripada bangsa asing tetapi juganya daripada bangsa Melayu sendiri yang nampaknya digunakan sebagai perkakas untuk mendirikan faedah orang lain bukan orang – sekalianlah dahulu adanya.

-----*-----*

Tidak dapat engkau mencapai walau sedikit pun daripada apa yang engkau gemari melainkan dengan sabar atas yang banyak daripada apa yang tidak engkau gemari – kata Hukama.